

www.mymrt.com.my

berita MRT

buletin projek MRT

JAN-MAC 2016
JILID 5
EDISI 1

PELAJAR REKA KEJAYAAN

HASIL kreatif enam pelajar telah membolehkan nama mereka terukir di dalam sejarah Projek MRT apabila reka bentuk bangku mereka diterima pakai untuk stesen-stesen bawah tanah MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang. Cerita sepenuhnya di halaman 3.



KEJAYAAN BERGANDA: Siswazah UiTM Seri Iskandar, Cik Siti Nur Hajar Kamsani mempamerkan dua rekaan bangku beliau; bangku pertama (kanan) telah berjaya merangkul hadiah utama manakala bangku kedua memenangi hadiah sagu hati pertandingan.

DALAM EDISI INI

3 Bangku Stesen MRT Bawah Tanah Hasil Bakat Pelajar

4 Kemajuan Projek

6 Kunjungan Ke Stesen Semantan

7 Memperkasakan Integriti Di MRT Corp

8 ”Rumah” Untuk Tren MRT













Pengarang



Dato' Najmuddin Abdullah

Penulis



Leong Shen-li



Wallace Soh Chun Hwei



Ean Yaacob



Ezreen Siti Juliana



Rizal Redzuan

Penerbit

Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd
Level 5, Menara I & P1,
No. 46, Jalan Dungun,
Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur

Pereka Grafik

Hunter Strategic Communication Sdn Bhd
34 B, Jalan Tun Mohd Fuad 2,
Taman Tun Dr Ismail,
60000 Kuala Lumpur.

Pencetak

Pacific Printing and Trading
34 B, Jalan Tun Mohd Fuad 2,
Taman Tun Dr Ismail,
60000 Kuala Lumpur.



Dari Meja Ketua Pegawai Eksekutif
DATO' SRI SHAHRIL MOKHTAR

PERMULAAN TAHUN YANG SIBUK

SELAMAT datang ke edisi *Berita MRT* kali ini.

Suku pertama tahun 2016 telah datang dan pergi dengan cepat. Saya gembira dapat memaklumkan dalam pada waktu yang singkat ini, begitu banyak telah berlaku untuk Projek MRT Lembah Klang.

Kini, kami mempunyai kurang daripada setahun bagi Operasi Fasa Pertama Laluan Sungai Buloh-Kajang (Laluan SBK) - di antara Stesen Sungai Buloh dan Stesen Semantan. Semua pihak sedang bertungkus lumus untuk memastikan Fasa Pertama Laluan SBK mula beroperasi tahun ini.

Struktur-struktur bagi kesemua 12 stesen untuk Fasa Pertama telah siap. Kerja sekarang ditumpukan kepada pembinaan pintu masuk, jejantas, hentian bas pengantara, dan tempat berhenti untuk teksi dan kenderaan persendirian yang ingin menurunkan penumpang di stesen. Kerja juga sedang berjalan lancar bagi bangunan tempat letak kereta bertingkat.

Banyak kerja bagi memastikan laluan ini sedia untuk beroperasi telah dilakukan tanpa pengetahuan awam. Antara contoh adalah pemeriksaan yang berterusan bagi semua sistem mekanikal dan elektrikal.

Tentunya, anda pernah terlihat sekali imbas tren kami yang sedang diuji di sepanjang jejambat. Akan tetapi melainkan anda adalah seorang kakitangan MRT Corp atau salah seorang daripada kontraktor kami, anda tidak akan dapat melihat kebanyakan kerja yang sedang dilakukan sekarang.

Di halaman belakang edisi *Berita MRT* ini, kami menghuraikan tentang Depoh Sungai Buloh-Kajang, yang turut disertakan gambar Pusat Kawalan Operasi di mana kesemua tren Laluan SBK akan dikawal. Ini secara tuntasnya memberi gambaran akan apa yang sedang berlaku di sebalik tabir.

Kerja juga sedang berjalan lancar untuk memastikan Fasa Kedua Laluan SBK, yang merangkumi bahagian laluan bawah tanah dan bahagian laluan bertingkat selatan, sedia beroperasi pada Julai tahun hadapan. Kerja-kerja pemasangan landasan dan lain-lain kerja sistem termasuk pemasangan servis bangunan untuk stesen-stesen, seperti eskalator, penghawa dingin, lampu dan lain-lain, sedang giat dijalankan.

Ini membawa saya ke cerita muka hadapan edisi *Berita MRT* ini. Daripada hanya mengambil jalan mudah dengan memilih reka bentuk bangku yang sedia ada dan kemudiannya membuat pesanan dari pembekal, MRT Corp dan Kontraktor Kerja Bawah Tanah kami, MMC Gamuda KVMRT (T) Sdn Bhd telah mengambil peluang ini untuk melibatkan orang ramai dalam Projek MRT. Terlahirlah Pertandingan Reka Bentuk Bangku Projek MRT.

Kami telah pergi ke kolej dan universiti untuk menjemput para pelajar mereka bentuk bangku-bangku untuk stesen bawah tanah kami dan kami telah menerima lebih daripada 100 reka bentuk. Reka bentuk yang telah dicipta adalah sangat kreatif dan cukup baik untuk diterima pakai bagi stesen bawah tanah kami.

Saya rasa ini adalah kali pertama pelajar-pelajar telah dapat memainkan peranan dalam projek mega dan ini membuatkan saya begitu bangga kerana Projek MRTlah yang telah memberikan mereka peluang keemasan ini.

Permulaan tahun yang sibuk bukan sahaja bagi Laluan SBK malahan juga bagi MRT Laluan Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya (Laluan SSP).

Susulan kelulusan muktamad bagi Laluan SSP tahun lepas, kami telah memulakan proses perolehan dan pada bulan Mac tahun ini, kami telah menganugerahkan kontrak-kontrak utama yang pertama. Selain dua pakej kerja jejambat, kami juga telah menganugerahkan Pakej Kerja Bawah Tanah, pakej kerja terbesar bagi pembinaan Laluan SSP.

Dengan anugerah-anugerah ini, yang akan disusuli dengan yang lain, pembinaan Laluan SSP akan dapat dimulakan.

Tahun 2016 dijangka akan menjadi tahun yang amat sibuk. Kami di MRT Corp sememangnya menantikan tahun ini yang akan dipenuhi dengan usaha gigih dan cabaran.

Terima kasih.

Shahril

PUSAT INFORMASI MRT

Pusat Informasi MRT Jalan Sultan Azlan Shah
Unit A-2-8, Viva Mall,
No. 378 Jalan Sultan Azlan Shah,
51200 Kuala Lumpur.

Pusat Informasi MRT Centre Seri Kembangan
D-11-G, Jalan Atmosphere 7,
Pusat Perniagaan The Atmosphere,
43300 Seri Kembangan, Selangor.

Isnin - Jumaat : **9:00 pagi - 6:00 petang**
Sabtu - Ahad & Cuti Umum : **Tutup**

IBU PEJABAT KORPORAT MRT

MASS RAPID TRANSIT CORPORATION SDN BHD
(902884-V)
Level 5, Menara I & P1,
No. 46, Jalan Dungun,
Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur

Kami mengalu-alukan sebarang pertanyaan dan cadangan anda. Sila hantarkan ke **feedback@mymrt.com.my**

HOTLINE 24 JAM
1800 82 6868
www.mymrt.com.my



MRTMalaysia MRTMalaysia MRTMalaysia



TAHUKAH ANDA?...

DI Jepun, tren akan tiba tepat pada waktunya dan jika terdapat sebarang kelewatan lebih dari lima minit, ucapan maaf akan dibuat dan "sijil kelewatan" akan diberikan kepada penumpang yang sedang dalam perjalanan ke kerja. Kelewatan tren selama sejam atau lebih, boleh menjadi bahan berita.



Gambar ehsan Matt Maness (Flickr)

BANGKU STESEN MRT BAWAH TANAH HASIL BAKAT PELAJAR

Oleh Ean Yaacob & Leong Shen-li



PARA PEMENANG: *Gambar kumpulan enam pemenang bersama Karakashian (keempat dari kiri) dan Maslan (kelima dari kiri) . Pemenang-pemenang ialah (dari kiri) Cik Lee Ling, Cik Siti Nur Hajar Kamsani, Encik Chia Sen Chung, Encik Safial Aqbar Zakaria (wakil Encik Chan Lee Kang), Encik Mohd Saiful Anuar Zamri dan Encik Chong Chin Sheng.*

BUKAN selalunya orang ramai mahupun pelajar dapat memainkan peranan dalam pembangunan sebuah projek mega negara.

Oleh itu, enam pelajar telah mendapat pengiktirafan yang tertinggi apabila reka bentuk bangku yang dicipta oleh mereka akan digunapakai untuk tempat duduk di enam stesen bawah tanah MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang (Laluan SBK).

Reka bentuk untuk enam bangku tersebut merupakan hasil ciptaan yang telah memenangi Pertandingan Reka Bentuk Bangku Projek MRT yang telah dianjurkan bersama oleh Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) dan MMC Gamuda KVMRT (T) Sdn Bhd, kontraktor Kerja-Kerja Bawah Tanah untuk MRT Laluan SBK.

Objektif utama pertandingan ini adalah untuk menggalakkan penglibatan pelajar-pelajar untuk mereka bentuk bangku untuk tujuh stesen bawah tanah laluan MRT tersebut. Dengan hasrat mencungkil bakat-bakat muda yang kreatif, MRT Corp berharap Projek ini akan dapat memperolehi hasil reka bentuk yang estetik, asli dan inovatif.

Pendekatan ini nyata telah membawa hasil.

Sebanyak 133 rekaan daripada 19 buah kolej dan universiti, awam dan swasta, telah diterima dalam bulan Julai 2015, setelah panggilan untuk penyertaan telah dilakukan dalam bulan April. Penyertaan-penyertaan tersebut telah datang dari sekolah seni bina atau seni reka bentuk institusi pengajian tinggi tersebut.

Bagi pusingan pertama, reka bentuk-reka bentuk yang diterima telah dinilai oleh Pasukan Seni Bina MGKT, yang telah memilih 63 reka bentuk. Kemudiannya, reka bentuk itu dinilai oleh 14 orang hakim yang terdiri daripada pakar-pakar industri dan pihak pengurusan kanan MRT Corp dan MGKT dalam pusingan kedua. Sebanyak 21 reka bentuk telah dipilih untuk pusingan akhir pertandingan itu.

Untuk memilih pemenang, 21 reka bentuk pusingan akhir ini telah dibuka untuk pengundian daripada orang awam. Ini telah berlangsung dari 9 hingga ke 31 Januari 2016.

Satu pameran reka bentuk, yang dilengkapi dengan model bangku dan papan cerita yang menerangkan inspirasi di sebalik konsep reka bentuk mereka, telah diadakan di Pusat Membeli Belah Nu Sentral, Kuala Lumpur. Sebuah laman mikro telah dilancarkan khusus untuk tujuan pengundian dan semua undi diterima atas talian (*online*).

Gabungan dari undian awam dan penghakiman daripada pakar-pakar panel yang sama telah berjaya mengenal pasti enam reka bentuk pemenang. Pada awalnya, tujuh reka bentuk telah dipilih untuk pusingan akhir ini akan tetapi para hakim kemudiannya memutuskan bahawa tiga reka bentuk akhir yang dikemukakan bagi Stesen Bukit Bintang MRT tidak dapat memenuhi kriteria untuk menjadi pemenang.

Pencipta keenam-enam reka bentuk yang memenangi pertandingan ini telah diumumkan di sebuah majlis penyampaian hadiah pada 26 Februari 2016 di Pusat Latihan KVMRT, Sungai Buloh. Keenam-enam pemenang masing-masing memperolehi RM7,000.00 dan sijil manakala pencipta 15 reka bentuk saguhati daripada pusingan akhir telah menerima RM3,500.00 dan sijil setiap orang.

Pengarah Projek MRT Corp bagi Laluan SBK, Encik Marcus Karakashian, bersama Pengarah MGKT, Encik Maslan Othman telah menyampaikan hadiah kepada pemenang-pemenang.

Dalam ucapan beliau, Karakashian berkata Projek MRT berhasrat mencari penyertaan yang boleh menggabungkan keunikan reka bentuk dan keperluan praktikal untuk bangku - bangku stesen bawah tanah MRT.

“Kami gembira kerana telah menemui reka bentuk yang bersesuaian untuk stesen-stesen ini,” ujar beliau.

Menurut Marcus, walaupun terdapat reka bentuk sangat kreatif yang mempunyai seni bina yang canggih, namun kebanyakan reka bentuk telah kehilangan markah dari aspek fungsi.

“Reka bentuk yang menang akan disesuaikan untuk pengeluaran dengan komponen-komponen kejuruteraan yang ditambah agar bangku selamat dan tahan lasak apabila digunakan oleh orang ramai, dan pada masa yang sama kekal berfungsi,” katanya.

Maslan berkata pertandingan seperti ini akan dapat memberi motivasi kepada bakat-bakat baru untuk mereka bentuk dan membuat sesuatu yang lain daripada yang lain.

“Cuba bayangkan kebanggaan setiap pemenang atau kumpulan pemenang apabila mereka melawat stesen dan melihat reka bentuk mereka digunakan oleh masyarakat,” katanya.



UCAPAN TAHNIAH: *Karakashian memberikan sepatah dua kata.*



PENYERTAAN: *Reka bentuk oleh 15 pemenang saguhati dari pusingan akhir juga telah dipamerkan dalam majlis tersebut.*




SUARA RAMAI: *Pameran Pertandingan Reka Bentuk Bangku Projek MRT yang mempamerkan 21 model reka bentuk akhir.*



KUKUH: *Seorang pelawat memeriksa ketegapan reka bentuk semasa melawat pameran Pertandingan Reka Bentuk Bangku Projek MRT.*

REKA BENTUK KEMENANGAN


COCHRANE STATION



Siti Nur Hajar Kamsani
UiTM Seri Iskandar

Untuk mencipta ilusi optikal, reka bentuk Tri-Bench unik ini akan kelihatan seolah-olah terapung dengan keluli tahan karat yang digilap mencerminkan lantai dan tempat duduk yang dicat dengan warna yang terang sesuai dengan tema Stesen Cochrane, iaitu “Kehidupan di bandar”.

PASAR SENI



Chan Lee Kang
Universiti Sains Malaysia

Reka bentuk yang bermotifkan “Pertemuan Arus” atau pun “Confluence” adalah satu usaha untuk mengembalikan sejarah di Pasar Seni. Bangku ini direka dengan rupa bentuk moden yang menggunakan replika kayu yang disokong dengan kerangka keluli kereta api lama, melambangkan pembangunan perkhidmatan tren di Malaysia.

MUZIUM NEGARA



Mohd Saiful Anuar Zamri
Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah

Berdasarkan tema stesen iaitu “Peralihan”, reka bentuk yang diinspirasikan dari kuarza menggambarkan pembangunan mod-mod pengangkutan awam di bandar dari zaman awal kemerdekaan hingga ke masa kini.


TUN RAZAK EXCHANGE



Lee Ling
Erican College

Diinspirasikan dari seni bina Islam, bangku MOIS direka bentuk untuk Stesen Tun Razak Exchange yang bertemakan “Korporat Islam”. Reka bentuk moden Islamik yang mempunyai kerangka dan lengkung yang sesuai bagi lokasi stesen ini yang akan ditempatkan di tengah-tengah pusat kewangan ibu kota.

MERDEKA



Chong Chin Sheng
Erican College

Demi mempamerkan semangat kemerdekaan yang telah menjadi tema bagi Stesen Merdeka, bangku Honour 14 – nama yang diinsipirasikan dari bilangan jalur di Jalur Gemilang – dicat kuning, mewakili warna diraja. Ia juga mempunyai bentuk geometri ikonik yang diambil dari pandangan luar Stadium Negara.


MALURI



Chia Sen Chung
Saito College

Reka bentuk simbol “n” yang diinspirasikan dari keinginan untuk mencipta sebuah bangku yang mempunyai tiga warna berbeza bagi “Generasi Baru” yang bergerak pantas, tema Stesen MRT Maluri. Bangku yang berwarna-warni mengingatkan kita akan bagaimana berwarna-warni dan bermaknanya kehidupan di pertengahan kesibukan kita.

KEMAJUAN PROJEK



1

PERHUBUNGAN BAIK:
Kerja pembinaan sedang dijalankan bagi jejantas bersama antara Stesen Komuter KTM (kiri) dan Stesen MRT Sungai Buloh (kanan).

2

KEMAJUAN YANG BAIK:
Pandangan Stesen Kampung Selamat yang hampir siap.

3

SEDIA:
Stesen Kwasa Sentral yang hampir siap akan memberi perkhidmatan MRT untuk pembangunan Kwasa Damansara yang akan datang.

4

LURUS:
Pandangan dari udara jejambat MRT yang telah siap di sepanjang Persiaran Surian, Kota Damansara.

5

KERJA-KERJA AKHIR:
Pandangan Stesen Surian di Dataran Sunway, Kota Damansara.

11

TEMPAT PERALIHAN:
Pandangan jejambat bertingkat menuju ke bangunan Portal Semantan di mana jajaran akan ke bawah tanah.

12

DALAM STESEN:
Pandangan aras platform (bawah) dan aras ruang legar (atas) di Stesen Muzium Negara.

13

INTEGRASI AKAN DATANG:
Pandangan tangga dan ruang untuk eskalator akan datang yang akan menghubungkan Stesen MRT Pasar Seni dan Stesen LRT Pasar Seni.

14

TREK DIPASANG:
Pekerja-pekerja memasang braket kabel sementara menunggu landasan dikonkrit di kawasan platform Stesen Merdeka.

15

KERJA SEDANG BERJALAN:
Kerja-kerja pemasangan landasan sedang dijalankan di dalam terowong berdekatan Syaf Pudu.

21

JEJANTAS STESEN:
Pandangan Stesen Taman Midah dengan jejantas pejalan kaki yang melintasi Jalan Cheras sedang dibina.

22

RANCAK BERJALAN:
Kerja-kerja pembinaan di Stesen Taman Connaught sedang dijalankan.

23


PEMASANGAN BUMBUNG:
Pandangan Stesen Taman Suntex dengan bumbungnya yang sedang dipasang.

24

KERJA YANG BAIK:
Pandangan kerja-kerja pembinaan di Stesen Sri Raya. Pembinaan di sebelah stesen adalah projek pembangunan persendirian.

25

LANDASAN YANG BETUL:
Pembinaan di Stesen Batu Sebelas Cheras sedang dijalankan.





SEDANG BERJALAN:
Pandangan Stesen Mutiara Damansara dalam proses pembinaan.



KERJA YANG BAIK:
Pembinaan sedang dijalankan di Stesen Bandar Utama.



ANTARA BANGUNAN TINGGI:
Pandangan dari udara Stesen Taman Tun Dr Ismail di Jalan Damansara.



KEMUDAHAN AKAN DATANG:
Pandangan Stesen Phileo Damansara di mana bangunan letak kereta bertingkat sedang dibina di sebelah kiri stesen.



SAMBUNGAN BAIK:
Eskalator pintu masuk Stesen Pusat Bandar Damansara menuju ke perhentian bas pengantara dan kawasan menurunkan penumpang.



PINTU MASUK:
Pembinaan sedang dijalankan di pintu masuk D, salah satu pintu masuk yang menuju ke Stesen MRT Bukit Bintang.



MULAI TERBENTUK:
Kerja mengkonkrit landasan selesai di kawasan platform Stesen Tun Razak Exchange.



SIAP DIPASANG:
Eskalator dipasang di dalam Stesen Cochrane.



BERSILANG:
Pandangan landasan bersilang, satu-satunya untuk bahagian bawah tanah Laluan MRT Sungai Buloh-Kajang di Stesen MRT Maluri.



PENGHUJUNG TEROWONG:
Kerja-kerja pemasangan landasan sedang dijalankan di atas tapak landasan yang dikelilingi dengan penghadang bunyi di Portal Maluri.



HAMPIR SELESAI:
Pandangan Stesen Bukit Dukung dengan kemudahan medan letak kereta bertingkat yang sedang dibina.



MAJU:
Pandangan Stesen Sungai Jernih dengan kemudahan medan letak kereta bertingkat di sebelah kanan dalam pembinaan.



LOKASI STRATEGIK:
Pandangan Stesen Kajang di sebelah pusat bandar Kajang.



SELESAI:
Pandangan jejambat bertingkat yang melintasi Sungai Langat di Kajang dengan kerja-kerja pemasangan landasan yang telah siap.



KEMAJUAN:
Pandangan kerja-kerja pembinaan di Stesen Kajang di mana rangka bumbung sedang dipasang.

KUNJUNGAN KE STESEN SEMANTAN

Oleh Rizal Redzuan

SATU delegasi daripada Unit Penyelarasan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM) telah melawat Projek MRT Lembah Klang pada 3 Mac 2016.

Delegasi ini, yang terdiri daripada 25 orang pegawai, diketuai oleh Ketua Pengarah ICU JPM, Datuk Seri Ahmad Zaki Ansore. Wakil-wakil dari Kementerian Kewangan juga turut hadir untuk lawatan ini.

Lawatan ini telah bermula dengan satu sesi taklimat tentang Projek MRT di ibu pejabat Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp). Sebelum taklimat dimulakan, Encik Nor Hadi Kasah dari Bahagian Piawaian dan Pematuhan MRT Corp telah memberi penerangan ringkas tentang langkah keselamatan yang perlu dipatuhi.

Pengarah Projek Laluan Sungai Buloh-Kajang (Laluan SBK) MRT Corp Encik Marcus Karakashian telah memberi taklimat tentang Laluan SBK kepada hadirin dan menonjolkan kemajuan projek dan aktiviti pembinaan yang sedang dijalankan.

Beliau berkata bahawa kemajuan keseluruhan projek pada masa itu adalah 79.85% dan 94km dari 107km kerja-kerja landasan keretapi sudah siap.

Pengarah Projek Laluan Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya (Laluan SSP), Dato' Amiruddin Ma'aris, telah memberikan maklumat terkini tentang laluan yang baru sahaja mendapat kelulusan daripada Kerajaan Malaysia.

Beliau memberitahu delegasi bahawa kelulusan telah diberi oleh Kerajaan Malaysia pada Oktober tahun lepas dan proses tender sedang dijalankan. Kerja-kerja pembinaan untuk Laluan SSP dijangka akan bermula pada Jun 2016.

Delegasi telah menujukan beberapa soalan kepada Karakashian dan juga Amiruddin, termasuk bagaimana MRT Corp dapat mengatasi masalah dan cabaran yang boleh mengakibatkan Projek tertangguh dan mengalami kenaikan kos.

Ahmad Zaki telah menyambut baik berita bahawa MRT Corp telah dapat memastikan kemajuan Projek mengikut masa yang ditetapkan dan kos mengikut bajet.

Kemudiannya, delegasi telah dibawa ke Stesen Semantan untuk lawatan tapak. Di stesen ini, mereka telah dapat menyaksikan kerja-kerja yang sedang dijalankan seperti pemasangan bumbung untuk pintu masuk dan kemudahan seperti eskalator dan lif.

Di aras platform, mereka juga telah dapat melihat pemasangan pintu skrin platform, sementara kerja-kerja bahagian trek telah berjaya disiapkan.



MAKLUMAT JELAS: *Ahmad Zaki (tengah) mendengar Karakashian (kanan) memberikan maklumat tentang kerja-kerja yang sedang dijalankan di Stesen Semantan.*



MENGUTAMAKAN KESELAMATAN : *Delegasi mendengar taklimat keselamatan yang telah diberi di permulaan lawatan ke MRT Corp.*



PENCAPAIAN BAIK: *Pandangan pintu skrin platform di belakang pagar keselamatan di aras platform stesen.*

TAKLIMAT KERJA MRT YANG AKAN DATANG DI KEPONG

Oleh Wallace Soh Chun Hwei



MAKLUMAT: *Tan (kanan) sedang mendengar taklimat daripada Adil Putra.*



MAKLUM BALAS: *Tan menyentuh isu-isu berkaitan Projek MRT ketika berucap kepada pihak media.*



TERPERINCI: *Pihak media mendengar ucapan daripada Tan.*



LAWATAN TAPAK: *Tan (kanan) bersama (dari kiri) Pengurus Projek Pakej V202 MMC Gamuda, Encik Norzaidri Abdollah, Najmuddin, Adil Putra dan Pengurus Projek Kanan II MRT Corp Encik Khairul Azhar Samsuddin meninjau tapak pembinaan Projek MRT akan datang.*

MASS Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) telah menganjurkan sesi taklimat bagi MRT Laluan Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya (Laluan SSP) untuk pihak media dan Ahli Parlimen Kepong Dr Tan Seng Giaw pada 3 Februari 2016.

Sesi taklimat tersebut, yang diadakan di sebuah kafe di Kepong, telah dijalankan kerana kawasan itu terletak di dalam pakej kerja pertama yang akan dianugerahkan bagi Laluan SSP.

Sesi taklimat tersebut dianjurkan bersama MMC-Gamuda KVMRT Sdn Bhd, Rakan Pelaksana Projek atau *Project Delivery Partner (PDP)* untuk Laluan SSP.

Pengarah Komunikasi Strategik dan Hal Ehwal Pihak Berkepentingan MRT Corp, Dato' Najmuddin Abdullah telah memulakan sesi taklimat tersebut dengan mengalu-alukan kedatangan Tan dan wartawan-wartawan daripada pelbagai organisasi media.

Penolong Pengarah Pembinaan MMC Gamuda, Encik Adil Putra Ahmad kemudian mengambil alih sesi tersebut dengan taklimat mengenai jajaran Laluan SSP dengan tumpuan khusus pada kawasan Kepong. Taklimat tersebut juga merangkumi kerja-kerja pembinaan yang dijangkakan akan dilakukan di sana apabila pembinaan bermula.

Maklumat-maklumat lain yang diberi termasuk isu-isu yang akan menjadi kebimbangan kepada orang ramai dan langkah mitigasi dan pencegahan yang dicadangkan. Isu-isu tersebut adalah berdasarkan maklumat yang dikumpul semasa Pemeriksaan Awam Skim Keretapi Laluan SSP yang diadakan dari 15 Mei 2015 hingga 17 Ogos 2015.

Wartawan-wartawan yang hadir telah bertanya mengenai jangka masa pembinaan termasuk anggaran masa penyiapan dan anggaran kos keseluruhan Laluan SSP.

Tan, yang turut berucap di sesi itu, telah mencadangkan rundingan yang adil dengan pihak berkepentingan yang terlibat di kawasan tersebut dan "penyelesaian yang munasabah kepada masalah atau isu yang dibangkitkan."

Beliau juga telah menekankan isu-isu berkaitan dengan pengurusan trafik semasa tempoh pembinaan.

"Trafik di Kepong sudah sesak dan dengan kerja-kerja pembinaan MRT yang akan datang, saya menjangkakan keadaan akan menjadi lebih teruk.

"Saya menyeru MRT Corp dan PDP untuk merangka pelan pengurusan lalu lintas yang berkesan untuk mengurangkan masalah," beliau berkata.

Keselamatan di dalam dan sekitar kawasan pembinaan juga merupakan kebimbangan utama yang dibangkitkan oleh Tan.

"Sesi taklimat seperti ini merupakan platform yang berkesan untuk MRT Corp dan PDP memperolehi maklum balas dan bersedia dengan langkah-langkah pencegahan sebelum apa-apa yang tidak diingini berlaku," beliau berkata.

Sebelum sesi tersebut tamat, Tan dan wartawan-wartawan telah dibawa meninjau sekitar kawasan yang akan menjadi tapak kerja MRT di masa akan datang.

LAWATAN BERSAMA KE TAPAK MENYELESAIKAN ISU BANJIR

Oleh Wallace Soh Chun Hwei

AHLI Dewan Undangan Negeri Kajang Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail telah melawat tapak pembinaan MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang (Laluan SBK) di Kampung Sungai Jernih dan Kampung Paya Batu 14 Cheras, kedua-duanya berhampiran Kajang, susulan kejadian banjir di sana.

Kedua-dua tapak berada di kawasan yang sering dilanda banjir mahupun sebelum projek MRT dijalankan. Walau bagaimanapun, penduduk telah menyuarakan rasa kebimbangan mereka akan kejadian yang berterusan ini apatah lagi dengan pembinaan Depoh Kajang yang berdekatan dengan Kampung Sungai Jernih. Mereka mengharapkan penyelesaian kepada masalah ini. Penduduk kedua-dua kampung mendakwa air sungai akan melimpah dan membanjiri kawasan berdekatan setiap kali hujan lebat turun.

Wakil-wakil dari Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp), MMC-Gamuda KVMRT (PDP) Sdn Bhd yang merupakan Rakan Pelaksana Projek bagi MRT Laluan SBK, dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) turut menyertai lawatan tersebut.

Semasa lawatan yang diadakan pada 22 Februari 2016, Wan Azizah telah mendapati bahawa sebahagian daripada Sungai Jernih telah dipenuhi dengan sampah domestik yang menyebabkan air sungai bertakung. Beliau dengan segera mengarahkan Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) membersihkan sungai tersebut.

Wan Azizah juga menasihatkan supaya sebuah jawatankuasa ad hoc yang terdiri daripada wakil-wakil daripada JPS, MPKj, MRT Corp, PDP dan dua ketua kampung ditubuhkan. Jawatankuasa ini akan mencari pendekatan holistik bagi menyelesaikan masalah banjir di kawasan yang berkaitan.

Selepas lawatan tersebut, Wan Azizah telah melahirkan penghargaan beliau kepada semua pihak yang hadir.

Pengarah Komunikasi Strategik dan Hal Ehwal Pihak Berkepentingan MRT Corp, Dato' Najmuddin Abdullah, yang menyertai lawatan itu, berkata MRT Corp selalu mewajibkan Kontraktor-kontraktor Pakej Kerja projek mematuhi piawaian Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar.

"Walau bagaimanapun, kami akan melakukan apa yang kami boleh bagi menyelesaikan sebarang masalah sebaik sahaja kami menerima aduan daripada orang ramai," katanya.

Tambah beliau, lawatan ke tapak tersebut memberi peluang bagi pihak-pihak yang berkenaan untuk bersama-sama menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh masyarakat setempat yang mungkin berkaitan dengan Projek MRT.



TAKLIMAT: *Pengurus Pembinaan Depoh Kajang MMC Gamuda, Encik Rus Azlizan Mohd Ali (kedua dari kanan) memberi penerangan kepada Wan Azizah di Sungai Jernih.*

MEMPERKASAKAN INTEGRITI DI MRT CORP

Oleh Rizal Redzuan



TELADAN: *Shahril (kanan) bersama Barisan Kepimpinan MRT Corp, membaca Ikrar Integriti Korporat semasa Program Kesedaran Integriti.*



APA ITU INTEGRITI: *Hadirin Program Kesedaran Integriti MRT Corp pertama mendengar hujah yang diutarakan oleh Abu Kassim.*



PENGALAMAN SENDIRI: *Firdaus memberikan penerangan tentang pengalaman peribadi bagaimana beliau terjebak dengan rasuah.*



SEDANG BERAKSI: *Seorang pemain pasukan SPRM cuba mengawal bola walaupun diasak oleh oleh pemain pasukan MRT Corp Wan Khairuddin Wan Hitam.*



PIALA*: Piala Integriti yang telah dipamerkan untuk perlawanan MRT Corp lawan SPRM.*

SEBAGAI pemilik Projek MRT Lembah Klang, Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) telah diamanahkan untuk mengendalikan dana awam untuk tujuan pembangunan MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang dan MRT Laluan Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya.

Oleh sebab itu, MRT Corp sentiasa menekankan aspek integriti dan pentadbiran urus korporat yang baik di dalam pengurusan harian Projek MRT.

MRT Corp baru-baru ini telah mengambil langkah-langkah untuk meningkatkan lagi tahap integriti di dalam organisasi ini dengan menubuhkan Unit Integriti yang diketuai oleh Dato' Zainal Adam. Beliau merupakan bekas Pengarah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Negeri Terengganu.

Unit ini telah menganjurkan beberapa aktiviti untuk kakitangan MRT Corp dengan tujuan mewujudkan kesedaran dan menyemai budaya integriti serta memastikan tadbir urus yang baik melalui pendidikan, penambahbaikan, pencegahan, hukuman, pengiktirafan dan penghargaan.

Pada 28 Mac 2016, unit ini telah menganjurkan sesi pertama daripada tiga sesi Program Kesedaran Integriti yang telah melibatkan Barisan Kepimpinan dan sebahagian daripada kakitangan MRT Corp. Semasa sesi tersebut, Encik Mohd Firdaus Ramlan, seorang bekas majistret, telah dijemput untuk berkongsi pengalaman bagaimana beliau terjebak dengan rasuah dan dijatuhkan hukuman dan kemudiannya dipenjarakan.

Mohd Firdaus berkata daripada seorang Majistret yang disanjung tinggi, beliau terpaksa mengakhiri kerjayanya sebagai seorang banduan di Penjara Kajang.

Sesi tersebut diteruskan lagi dengan ucapan dari Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Abu Kassim Mohamed yang telah bercakap tentang perlunya integriti dan tadbir urus yang baik. Sebelum mengakhiri sesi, beliau telah menjawab soalan daripada para hadirin.

Kemudiannya, pembacaan Ikrar Integriti Korporat, diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif MRT Corp, Dato' Sri Shahril Mokhtar dan seluruh Barisan Kepimpinan, dengan Abu Kassim menjadi saksi, telah dilakukan.

Selepas itu, Shahril telah merasmikan pelantikan Duta Integriti yang merangkumi individu dari setiap bahagian di MRT Corp.

Sesi-sesi yang lain telah dianjurkan untuk membolehkan semua kakitangan MRT Corp mengikuti Program Kesedaran Integriti tersebut.

Selain daripada acara serius, satu perlawanan bola sepak yang digelar Piala Integriti telah dianjurkan sebagai perlawanan pembukaan Liga Bola Sepak E-Liga SPRM pada 26 Februari. Perlawanan itu menyaksikan pasukan bola sepak MRT Corp menentang pasukan yang terdiri daripada kakitangan-kakitangan organisasi yang bekerjasama dengan SPRM.

Perlawanan ini telah berlangsung di Padang Pancarona, Putrajaya.

Meskipun MRT Corp mendahului perlawanan ini dengan menjaringkan gol pertama, pihak lawan terlalu kuat untuk MRT Corp dan ditewaskan 1-3.

MEMPERKENALKAN PROJEK MRT KEPADA SME

Oleh Ezreen Siti Juliana

MASS Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) telah menyertai bengkel SME BANK XCESS 2016 yang diadakan di Pusat Pameran dan Konvensyen MATRADE pada 8 Mac 2016.

Bertemakan "*Dynamic Financing for Business Expansion*", bengkel ini telah diadakan untuk memperkenalkan skim pembiayaan baru yang ditawarkan oleh SME Bank kepada usahawan kecil dan sederhana (SME). Skim pembiayaan baru ini juga ditawarkan kepada masyarakat luar bandar, usahawan mikro dan individu yang kurang bernasib baik.

MRT Corp telah mengambil bahagian di dalam bengkel ini kerana ia merupakan pemilik Projek MRT, sebuah projek kerajaan yang menyokong penglibatan SME.

Pengarah Komersial dan Pengurusan Tanah MRT Corp, Dato' Haris Fadzilah Hassan telah menyampaikan taklimat berkenaan strategi perolehan untuk MRT Laluan Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya (Laluan SSP), di mana beliau telah mendedahkan peluang-peluang bagi SME untuk mengambil bahagian dalam projek mega tersebut.

Beliau juga telah memberikan maklumat tentang nilai-nilai kontrak yang diperuntukkan kepada kontraktor Bumiputera oleh MRT Corp untuk pembinaan Laluan SSP.

MRT Corp juga telah mengadakan satu sesi memberi nasihat di mana sebuah gerai telah didirikan sempena bengkel tersebut untuk menyebarkan maklumat tentang Projek MRT kepada orang awam. Kakitangan MRT Corp yang menjaga gerai tersebut telah memberi maklumat terkini mengenai Projek MRT dan peluang-peluang yang ditawarkan kepada SME, terutamanya di bawah Program Penyertaan Bumiputera MRT Corp.

Pelawat yang berkunjung ke gerai telah diberi risalah mengenai Projek MRT dan juga risalah *Berita MRT*. Di gerai ini juga terdapat poster yang dilengkapi dengan informasi mengenai Projek MRT.

Bengkel tersebut telah dirasmikan oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Sri Mustapa Mohamed.



MINAT MENDALAM: *Peserta bengkel SME Bank XPRESS 2016 sedang bertanyakan tentang peluang perniagaan yang dapat disediakan oleh MRT Corp.*



SENYUMAN: *Seorang peserta bengkel berpuas hati dengan maklumat yang diberi oleh kakitangan MRT Corp.*



MAKLUMAT TERPERINCI: *Haris memberi taklimat mengenai Projek MRT Laluan Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya (SSP).*



SAMBUTAN MENGGALAKKAN: *Para hadirin bengkel SME BANK XCESS 2016 mendengar kata-kata aluan yang telah diberikan oleh Tan Sri Rafidah Aziz, bekas Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri.*

SOROTAN PENTING



BERKONGSI MAKLUMAT: *Delegasi dari Jabatan Perancangan Bandar dan Desa mendengar taklimat daripada Pengarah Projek Laluan Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya MRT Corp, Dato' Amiruddin Ma'aris (kanan) semasa perbincangan pembangunan berorientasi transit pada 16 Februari 2016.*



PERIKSA: *Jabatan Audit Negara, yang diketuai oleh Timbalan Ketua Audit Negara Lt. Kol. (K) Datuk Hj Anwari Suri (kelapan dari kanan), melawat Depoh Kajang Laluan MRT Sungai Buloh-Kajang pada 16 Mac 2016.*



BERWAWASAN: *Delegasi dari Organisasi Perdagangan Luar Jepun (JETRO) melawat Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd pada 9 Mac 2016.*

"RUMAH" UNTUK TREN MRT

Oleh Rizal Redzuan



TAPAK YANG LUAS: *Pandangan dari udara Depoh Sungai Buloh.*

DEPOH memainkan peranan penting dalam mana-mana sistem rel. Depoh akan menjadi "rumah" kepada tren-tren apabila tidak beroperasi. Selain itu, depoh juga akan dijadikan sebagai pusat untuk pembersihan, penyelenggaraan dan penyimpanan tren.

MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang (Laluan SBK), laluan pertama Projek MRT Lembah Klang, mempunyai dua depoh yang terletak di Sungai Buloh dan Kajang. Kedua-dua depoh ini terletak berdekatan dengan penghujung laluan tersebut.

Depoh Sungai Buloh merupakan depoh utama untuk Laluan SBK. Keluasan Depoh Sungai Buloh adalah 65 hektar, iaitu sebesar 100 padang bola sepak, membuatkan depoh ini yang terbesar di Asia Tenggara.

Bangunan utama depoh tersebut merupakan bangunan pentadbiran yang menempatkan Pusat Kawalan Operasi atau *Operations Control Centre* (OCC). Setiap pergerakan tren MRT tanpa pemandu sepanjang jajaran dan juga aktiviti-aktiviti yang lain yang berkaitan dengan sistem operasi, akan dikawal dari OCC.

Depoh tersebut juga mempunyai dua bengkel untuk penyelenggaran insfrastruktur dan penyelenggaraan tren. Tren-tren yang tidak beroperasi disimpan di kawasan tempat menyimpan tren tertutup.

Depoh tersebut juga mempunyai kemudahan untuk para pekerja seperti pusat penjagaan kanak-kanak, surau dan kafeteria.

Selain daripada berkhidmat untuk Laluan SBK, Depoh Sungai Buloh juga direka bentuk untuk menampung keperluan laluan kedua Projek MRT iaitu Laluan Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya (Laluan SSP). Sebidang tanah bersebelahan dengan depoh tersebut telah diperuntukkan untuk projek tersebut.

Depoh Kajang yang terletak berdekatan dengan penghujung selatan Laluan SBK pula jauh lebih kecil dari segi saiz.

Antara kemudahan yang disediakan di tapak seluas 12 hektar tersebut ialah Pejabat Penyelenggaran Pengangkutan. Depoh yang lebih kecil berbanding Depoh Sungai Buloh ini mampu menyediakan perkhidmatan penyelenggaraan ringan untuk tren-tren MRT.

Bengkel Infrastruktur juga terdapat di Depoh Kajang. Fungsi bengkel ini adalah untuk menyediakan perkhidmatan penyelenggaraan tren-tren kerja.

Depoh ini juga menempatkan OCC sokongan bagi MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang.

Tempat menyimpan tren tertutup Depoh Kajang dapat menampung sebanyak 32 tren. Kemudahan ini dapat membolehkan tren-tren yang bermula daripada Stesen Kajang setiap pagi disimpan di sini.



PERCUBAAN: *Tren MRT di atas trek percubaan Depoh Sungai Buloh.*



MESIN KERJA: *Tren-tren kerja di hadapan Bangunan Bengkel Infrastruktur di Depoh Sungai Buloh yang digunakan untuk pembinaan dan penyelenggaraan infrastruktur pada masa akan datang.*



PUSAT KAWALAN : *Pandangan Pusat Kawalan Operasi Depoh Sungai Buloh.*



SELESAI : *Bangunan Pentadbiran yang menempatkan Pusat Kawalan Operasi.*



RUMAH KEDUA : *Pandangan dari udara Depoh Kajang.*



HAMPIR SELESAI : *Trek dan tempat menyimpan tren di Depoh Kajang.*

PENGANUGERAHAN PAKEJ KERJA UTAMA PERTAMA LALUAN SSP

Oleh Leong Shen-li

PAKEJ-PAKEJ kerja utama pertama untuk MRT Laluan Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya (Laluan SSP) telah dianugerahkan pada suku pertama tahun 2016, dan ini akan membolehkan kerja pembinaan bermula pada suku kedua tahun ini.

Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp), pemilik projek Laluan SSP, telah menganugerahkan tiga pakej kerja utama pertama pada Mac, berikutan kelulusan muktamad Skim Keretapi Laluan SSP oleh kerajaan pada Oktober tahun lepas.

Pakej kerja utama pertama yang dianugerahkan adalah untuk Pakej Jejambat V202 untuk pembinaan jejambat bertingkat dari Persiaran Dagang di Bandar Sri Damansara, Petaling Jaya ke Jinjang, Kuala Lumpur sepanjang 4.5 km.

Pakej kerja tersebut yang bernilai RM1.44 bilion telah dianugerahkan kepada Ahmad Zaki Sdn Bhd.

Pakej kerja kedua yang dianugerahkan adalah Pakej Jejambat V201 untuk pembinaan jejambat bertingkat untuk Laluan SSP dari Sungai Buloh ke Persiaran Dagang yang telah dianugerahkan kepada Sunway Construction Sdn Bhd. Kontrak tersebut bernilai RM 1.21 bilion.

Pakej kerja ketiga adalah untuk Kerja Bawah Tanah, merangkumi reka bentuk, pembinaan dan penyiapan terowong, stesen bawah tanah dan struktur-struktur berkaitan dengan bahagian bawah tanah Laluan SSP dari Syaf Kecemasan Utara Jalan Ipoh ke Portal Selatan Desa Waterpark sepanjang 13.5 km.

Kontrak yang bernilai sebanyak RM15.47 bilion tersebut telah dianugerahkan kepada MMC Gamuda KVMRT(T) Sdn Bhd.

Ketua Pegawai Eksekutif MRT Corp, Dato' Sri Shahril Mokhtar berkata penganugerahan pakej-pakej kerja untuk pembinaan Laluan SSP tersebut menandakan detik yang bersejarah.

"Ia jelas membuktikan bahawa kerja pembinaan untuk projek tersebut akan diteruskan," kata beliau.

Ketiga-tiga syarikat ini bukanlah syarikat yang baru kepada MRT Corp dan Projek MRT kerana mereka juga merupakan kontraktor-kontraktor untuk MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang (SBK), laluan pertama Projek MRT Lembah Klang.

Ahmad Zaki merupakan kontraktor pakej kerja untuk Pakej V6 dari Stesen Taman Connaught di Cheras ke Stesen Bandar Tun Hussein Onn dan Sunway Construction merupakan kontraktor pakej kerja untuk Pakej V4 dari Seksyen 17 Petaling Jaya ke Portal Semantan di Jalan Duta. MMC Gamuda pula merupakan Kontraktor Kerja Bawah Tanah bagi Laluan SBK.

Penganugerahan pakej kerja yang lain termasuk kerja-kerja awalan, baki landasan bertingkat, depoh, stesen-stesen, medan letak kereta bertingkat, sistem-sistem, sambungan, pembekal dan kontraktor yang ditetapkan, akan dibuat dalam tempoh dua tahun ini.



BERJAYA: *Timbalan Pengarah Urusan Kumpulan Gamuda Bhd Dato' Paul Ha (kiri) dan Pengarah Urusan Kumpulan MMC Corporation Bhd Dato' Sri Che Khalib Mohd Noh (kedua dari kiri), kedua-duanya mewakili MMC Gamuda KVMRT (T) Sdn Bhd, mengembalikan Surat Penganugerahan untuk Pakej Kerja-Kerja Bawah Tanah yang telah ditandatangan kepada Shahril (kedua dari kanan). Bersama mereka adalah Pengarah Projek Laluan SSP MRT Corp Dato' Amiruddin Ma'aris (kanan) dan Pengarah Eksekutif Gamuda Bhd Dato' Azmir Mat Nor (ketiga dari kiri).*